

# Sastera Melayu tiada nilai?

Oleh DR. LIM SWEE TIN

(Bahagian pertama)



**S**EMINAR sehari di Kluang, Johor yang dihadiri sekitar 250 orang pengetua, penolong kanan dan ketua-ketua bidang bahasa serta guru Kesusasteraan Melayu di sekolah menjadi satu platform yang baik bagi membicarakan persoalan yang sering kali menjadi bahan polemik dalam kalangan penggiat sastera dan pendidikan.

Sebenarnya ada kewajarannya apabila sebuah majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu Tunas Cipta menjadikan tajuk ini topik perbincangan dalam salah satu keluarannya.

Isu mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang semakin kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar di sekolah bukanlah satu isu yang baharu. Sejak tahun 2007 lagi, NUTP atau Kesatuan Kebangsaan Guru-guru dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun mengadakan seminar khusus membicarakan perkara ini.

Hasilnya satu resolusi dikemukakan ke pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK). Ia menyentuh penambahbaikan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu iaitu satu subjek elektif di peringkat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Mata pelajaran ini didapati sudah tidak kompetitif lagi sekarang. Pelbagai kekurangan yang ada seumpama sukatan pelajarannya yang tidak menyediakan ilmu yang mencukupi untuk menyediakan pelajar dalam kerjaya selepas tamat persekolahan, teks yang digunakan yang tidak menarik malahan terlalu membebankan pelajar, dan pendekatan pengajaran juga menambahkan kelesuan proses pembelajaran di bilik-bilik darjah.

Saya menyifatkan semua persoalan yang ditimbulkan sekarang tidak ubahnya seperti

cerita burung bangau. Pelajar dipersalahkan kerana tiada minat untuk mempelajari kesusasteraan. Guru dikatakan gagal menyampaikan isi pelajaran dengan cara yang berkesan. Ibu bapa mengongkong anak-anak dengan melarang mereka dari memilih Kesusasteraan Melayu kerana tiada prospek masa hadapan.

Sementara, Pengetua sekolah menutup kelas Kesusasteraan Melayu setelah saban tahun ia menunjukkan prestasi yang tidak memberangsangkan sehingga menjejaskan nama baik sekolah.

Pemilihan mata pelajaran di peringkat peperiksaan di sekolah bagi saya harus bersifat demokratik. Pelajar diberikan kebebasan memilih. Walaupun begitu, ada pelajar yang diberikan penerangan yang seperlunya tatkala memilih mata pelajaran di sekolah. Bilangan mata pelajaran di sekolah sekarang banyak. Pilihan menjadi lebih terbuka. Lalu, seandainya pelajar memilih mata pelajaran yang difikirkan ada ciri-ciri kebaruan sudah tentu Kesusasteraan Melayu yang telah sedia wujud sejak tahun 60-an lagi merupakan satu mata pelajaran yang bersifat lama.

Dengan itu timbul persoalan lagi, bahawa sungguhpun lama, Kesusasteraan Melayu mempunyai peranan yang besar dalam pembentukan jati diri bangsa, alat ideologi yang amat ampuh, dan sangat penting dalam pembinaan satu rupa bangsa yang berperadaban. Ia melangkaui kedudukannya sebagai satu mata pelajaran sahaja.

Akan tetapi, siapakah yang pedulikan itu semua? Yang cuba memperdulikannya bahkan menganjurkan supaya Kesusasteraan Melayu

dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah, seawal pelajar di peringkat sekolah rendah lagi. Timbul lagi polemik, berapa banyak mata pelajaran wajib di sekolah, kerana semakin banyak mata pelajaran yang diwajibkan peluang pilihan semakin dipersempit. Apakah ia tidak menjejaskan pandangan tinggi yang telah sedia ada dalam sistem pendidikan kebangsaan pada masa kini?

Timbul cadangan supaya mata pelajaran Bahasa Melayu dipecahkan menjadi tiga kertas. Sebagai makluman, pada ketika ini Bahasa Melayu terdiri daripada dua kertas di peringkat SPM, iaitu Kertas 1 yang melibatkan penulisan karangan, Kertas II ringkasan atau rumusan karangan, soalan-soalan berkaitan tatabahasa, dan KOMSAS. KOMSAS ialah Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu.



## Kesusasteraan

KOMSAS ini diwujudkan sejak 1 Mac 2000 dalam kurikulum pendidikan di sekolah. Ia berasaskan kesusasteraan. Dengan itu, teksnya ialah karya sastera. Terdapat pelbagai jenis atau genre sastera dalam KOMSAS ini; puisi dan prosa tradisional, sajak, cerpen, drama dan novel. Semuanya dikaji mulai Tingkatan I hinggalah Tingkatan V. Soalan-soalan berkaitan KOMSAS kalau di peringkat SPM muncul dalam Kertas II.

Antara lain tujuan diwujudkan KOMSAS ialah untuk menyemai minat gemar membaca dalam kalangan pelajar. Setelah lebih sedekad pelaksanaannya namun belum ada kajian yang dibuat sejauh manakah telah tertanam minat gemar membaca dalam kalangan remaja dan belia kita selepas mereka mempelajari KOMSAS.

Selain itu, matlamat KOMSAS ialah memperkenalkan istilah-istilah sastera kepada

para pelajar. Dengan perkataan lain, ia sangatlah asas sifatnya, ia bahkan tidak sampai ke peringkat kajian. Tahap kajian muncul dalam mata pelajaran elektif Kesusasteraan Melayu. Analisis dalam Kesusasteraan Melayu tentunya lebih mendalam. Telah kedengaran sejak lama dahulu, bahawa di peringkat peperiksaan, soalan khusus tentang isi teks hampir tidak ada, yang ada ialah soalan-soalan tentang istilah dan hal-hal yang bersifat pengetahuan am. Disebabkan hal itu, isi kandungan teks sastera yang sesungguhnya tidak sampai ke hati dan fikiran pelajar.

Ertinya, hasrat menjadikan karya sastera kunyahan jiwa dan minda pelajar tidak kesampaian. Akan tetapi sejak awal sudah dinyatakan bahawa KOMSAS lebih menjurus kepada mendorong minat gemar membaca dan pengenalan istilah-istilah sastera sebenarnya. Kewujudan Kertas III mata pelajaran Bahasa Melayu akan menyelesaikan persoalan ini apabila analisis dan kajian teks menjadi lebih mendalam, lebih mencecah idealisme yang diimpikan. Demikian pandangan setengah-setengah halangan.

KOMSAS asalnya dicipta untuk antara lain menampung keperluan anak-anak bangsa mengenali kesusasteraan bangsanya sendiri yang sarat dengan elemen kesenian berfikir, berkreatif selain mengisikan pelbagai nilai yang boleh membantu mempertingkatkan daya intelek setelah mata pelajaran Kesusasteraan Melayu semakin kurang mendapat sambutan.

Setelah lebih sedekad implementasinya dalam sistem pendidikan, nampaknya yang dikandung keciciran, sementara yang dikejar pula tak dapat. Kalau demikian, hapuskan sahaja KOMSAS, biarlah Bahasa Malaysia sebagai subjek bahasa kekal murni untuk pelajar mendalami ilmu bahasa. Timbul kebimbangan Kesusasteraan Melayu yang telah sedia lesu itu akhirnya berkubur.

● Penulis adalah pensyarah Kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.